

MAHATHIR-BMF

KUALA LUMPUR, 11 OKT ¹⁹⁸³ (BERNAMA)--DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN HARI INI BAHAWA KERAJAAN HINGGA SEKARANG PUN TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS MEREKA YANG TERLIBAT MEMBERIKAN PINJAMAN WANG BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) KEPADA TIGA PEMINJAM TERBESAR DI HONG KONG KERANA PERLUKAN PERTOLONGAN MEREKA UNTUK MENDAPATKAN SEMULA WANG TERSEBUT SEBANYAK MANA MUNGKIN.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR DI SINI BAHAWA UNTUK MEMBOLEHKAN WANG ITU DIPEROLEHI SEMULA KERAJAAN MEMERLUKAN MEREKA BERTINDAK SEBAGAI ORANG TENGAH -- MEREKA YANG TAHU DAN YANG AKAN BERBINCANG DENGAN PARA PEMINJAM ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA MEREKA YANG TERLIBAT DENGAN SEWENANG-WENANGNYA TELAH MEMINJAMKAN JUMLAH WANG YANG BEGITU BESAR TETAPI JUGA TELAH MERAIH WANG UNTUK DIRI MEREKA SENDIRI.

BELIAU MENSIFATKAN MEREKA SEBAGAI +HARAPAN PAGAR, PAGAR MAKAN PADI.+

MALANGNYA, KATA BELIAU, MEREKA MERAIH WANG ITU DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH-KAEDAH YANG SAH DAN HINGGA SEKARANG KERAJAAN TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA TERHADAP MEREKA.

PERDANA MENTERI YANG MEMBAYANGKAN KEMARAHANNYA TERHADAP PERKARA ITU, BERKATA WALAUPUN DARI SEGI UNDANG-UNDANG MEREKA TIDAK BERSALAH TETAPI MEREKA ADALAH +BERSALAH DARI SEGI MORAL.+
--LAGI 1750/PA

MAHATHIR-BMF. 2 KUALA LUMPUR

BMF, SEBUAH ANAK SYARIKAT BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD, SEPERTI DINYATAKAN DI MAHKAMAH MAJISTRET DI HONG KONG SELASA LALU TELAH MEMINJAMKAN SEKURANG-KURANGNYA HK\$4,700 JUTA (KIRA-KIRA \$1,700 JUTA) KEPADA KUMPULAN CARRIAN, SEBUAH SYARIKAT HARTANAH YANG DIKAWAL OLEH GEORGE TAN.

DUA PEMINJAM LAGI -- SYARIKAT PELABURAN EDA DAN SEORANG PEMAJU HARTANAH KEVIN HSU -- JUGA MEMINJAM WANG DARI BMF.

TELAH DISEBUTKAN JUGA DI MAHKAMAH HONG KONG ITU BAHAWA DARIPADA \$1,700 JUTA YANG DIPINJAM OLEH CARRIAN DARIPADA BMF, KIRA-KIRA SATU PERTIGA DARIPADANYA TIDAK DAPAT DIPERTIMBANGKIRAKAN.

PENDEDAHAN PERISTIWA ITU BARU-BARU INI JUGA MENYATAKAN BAHAWA BANK BUMIPUTRA MENERUSI BMF TELAH MEMINJAMKAN JUMLAH-JUMLAH YANG LEBIH BESAR KEPADA KUMPULAN CARRIAN DARIPADA YANG DIKETAHUI SEBELUM INI.

KETIKA MENJELASKAN MAKLUMAT TERBARU YANG DIKEMUKAKAN KEPADA PERHATIANNYA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT KERANA MEREKA TELAH MELANTIK DIRI MASING-MASING SEBAGAI PERUNDING KEPADA BANK BUMIPUTRA ATAU BMF DAN WANG YANG MEREKA AMBIL ITU ADALAH SEBAGAI BAYARAN PERUNDINGAN.

-- LAGI 1544/LK

MAHATHIR - BMF 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA JUMLAH BAYARAN PERUNDINGAN YANG DIBERIKAN KEPADA PARA EKSEKUTIF BMF DARI TAHUN 1979 HINGGA 1981 IALAH HK\$3.3 JUTA.

PERDANA MENTERI WALAUPUN ENGGAN MENYATAKAN NAMA-NAMA MEREKA MENYEBUT BAHAWA LIMA ORANG TERLIBAT DALAM URUSAN PINJAMAN BMF ITU.

TENTANG HUKUMAN KEATAS MEREKA YANG MELAKUKAN +KESALAHAN DARI SEGI MORAL+ ITU, BELIAU BERKATA SEORANG DARIPADA MEREKA TELAH BERHENTI DARI BANK ITU DAN TELAH PUN DIGANTIKAN.

DUA ORANG LAGI SEDANG MEMBANTU BANK TERSEBUT MENDAPATKAN SEMULA SEBANYAK MANA YANG MUNGKIN WANG TERSEBUT DAN MEREKA JUGA AKAN DIMINTA MELETAKKAN JAWATAN TIDAK LAMA LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAKUKAN LEBIH DARIPADA MEMINTA MEREKA MENINGGALKAN BANK TERSEBUT KERANA PADA DASARNYA MEREKA TIDAK MELAKUKAN SESUATU YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG KERANA MEREKA DIBERI BAYARAN PERUNDINGAN.

KATANYA PENERUSI BANK BUMIPUTERA KETIKA ITU TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS MEREKA KERANA IA SENDIRI TERLIBAT.

+SAYA RASA LEMBAGA BANK JUGA TIDAK MENYEDARI TENTANG BAYARAN PERUNDINGAN ITU KERANA TIDAK TERDAPAT SEBARANG DOKUMEN BAHAWA PERKARA TERSEBUT DILAPORKAN KEPADA LEMBAGA,+ KATANYA. -- LAGI.

MAHATHIR-BMF 4 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R'

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA TIDAK ADA TINDAKAN YANG DIAMBIL KE ATAS LAIN-LAIN PEGAWAI YANG TERLIBAT SEHINGGA INI KERANA MEREKA DIPERLUKAN UNTUK MEMBANTU MENDAPATKAN SEMULA PINJAMAN ITU.

+SEKARANG PERKARA INI TELAH BERLAKU TIDAK BANYAK YANG DAPAT KITA LAKUKAN UNTUK MENGUBAH KEADAAN ITU.

+DENGAN ITU TINDAKAN AKAN JUGA DIAMBIL MEMINTA MEREKA MENINGGALKAN BANK ITU.+

BAGAIMANAPUN, KATANYA, ADA BEBERAPA PERKARA LAGI YANG PERLU DIBERESKAN SEBELUM TINDAKAN DIAMBIL KE ATAS MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENERANGKAN BAHAWA BANK BUMIPUTRA SEPERTI LAIN-LAIN BANK YANG TELAH MEMBERIKAN PINJAMAN KEPADA KUMPULAN CARRIAN TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP SYARIKAT HARTANAH ITU SEBELUM INI KERANA TUJUAN MEREKA YANG UTAMA IALAH MENDAPATKAN SEMULA SEBANYAK MUNGKIN WANG TERSEBUT.

LAIN-LAIN PENGUSAHA BANK MAHUKAN SYARIKAT ITU TERUS BERGERAK AGAR HUTANG ITU DAPAT DIJELASKAN, KATA PERDANA MENTERI.

+JIKA KITA MENANGKAPNYA (GEORGE TAN) DAN MEMULAS LEHERNYA KITA TIDAK AKAN DAPAT SEMULA WANG ITU.+ KATANYA. -- LAGI 1650/PA

MAHATHIR - MBF 5 KUALA LUMPUR

KATANYA SAMA SEPERTI PENGUSAHA-PENGUSAHA BANK YANG LAIN, BANK BUMIPUTRA MEMBIARKAN SYARIKAT HARTANAH ITU BERGERAK TERUS DENGAN HARAPAN BANK ITU JUGA MENDAPAT MANFAAT DARIPADANYA.

DITANYA TENTANG JUMLAH YANG DIHARAP DAPAT DIPEROLEHI SEMULA OLEH BANK BUMIPUTRA, PERDANA MENTERI BERKATA DARI AGAKANNYA ANTARA 20 HINGGA 25 PERATUS DENGAN MENGAMBIL KIRA KERUNTUHAN PASARAN HARTANAH DI HONG KONG DAN PENURUNAN NILAI HAMPIR 50 PERATUS DOLAR TANAH JAJAHAN ITU SEJAK TAHUN 1979.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA DENGAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG YANG DIAMBIL TERHADAP CARRIAN, PELUANG MENDAPATKAN SEMULA PINJAMAN ITU KINI SEMAKIN KURANG.

TINDAKAN UNDANG-UNDANG YANG DIAMBIL OLEH BERBAGAI PIHAK YANG MENGHULURKAN PINJAMAN KEPADA CARRIAN DAN EKORAN DARIPADA PENDEDAHAN HUTANG HUTANG DAN KESULITAN KEWANGAN YANG DITANGGUNG OLEH SYARIKAT ITU TELAH MEMBERATKAN USAHA UNTUK MENGELAKKAN KEJATUHAN KESELURUHAN KUMPULAN HARTANAH ITU.

MENSIFATKAN URUSAN PINJAMAN BMF ITU SEBAGAI SATU LANGKAH YANG 'TIDAK BIJAK', DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT BAHAWA MEREKA YANG TERLIBAT ITU TELAH MELAKUKAN SATU 'JENAYAH YANG KEJAM.'

KATANYA SAMA SEPERTI PEPATAH MELAYU 'HARAPKAN PAGAR, PAGAR MAKAN PADI.' --LAGI 1849/JMY

ZCZC B623

MAHATHIR - MBF 6 KUALA LUMPUR

KATANYA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT BUAT MASA INI UNTUK MENGELUARKAN SATU KERTAS PUTIH MENGENAI SKANDAL MBF ITU.

TAMBAHNYA KERAJAAN MUNGKIN MENINJAU KEMUNGKINAN MEMINDA PERLEMBAGAN BANK BUMIPUTRA BERHUBUNG DENGAN PERLANTIKAN ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA BANK NEGARA MASIH MENYIASAT PERKARA BANK BUMIPUTERA ITU. --BERNAMA 1854/JMY